



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1148

**AKTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA (PINDAAN) 2002**

Tarikh Persetujuan Diraja	6 Mei 2002
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	23 Mei 2002

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1148

AKTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (PINDAAN) 2002

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2002.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 6

2. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [Akta 589], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 6(c) dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “lima”.

Pindaan seksyen 38

3. Seksyen 38 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Walau apa pun perenggan 38(2)(c), wang yang disebut dalam perenggan itu yang melebihi keperluan kewangan Suruhanjaya untuk melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini bolehlah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.”.

